



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/12/24\_69 (HQ)

### TNB RANGKUL ANUGERAH EMAS BERTURUT-TURUT DAN PENGIFTIRAFAN TERTINGGI DI SSON IMPACT AWARDS

- TNB Global Business Solutions (TGBS) memperoleh pengiktirafan global melalui Anugerah Emas bagi Best Shared Services Team
- TGBS turut dinobatkan antara Top 20 Most Admired Shared Services Organisations (SSOs) & Global Business Services (GBS) selain merangkul Gangsa Change Management Impact Award & Customer Centricity Impact Award

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** melalui penyedia perkhidmatan guna samanya, TNB Global Business Solutions (TGBS), menempa kejayaan penting di Shared Services & Outsourcing Network (SSON) Impact Awards 2023 di Singapura pada Oktober lalu.

Ia merangkul Anugerah Emas bagi Best Shared Services Team di Rantau Asia kali kedua berturut-turut selepas memperoleh pengiktirafan sama pada 2022. TGBS turut dinobatkan antara Top 20 Most Admired Shared Services Organisations (SSO) & Global Business Services (GBS) peringkat global untuk dua tahun berturut-turut.

Selain anugerah ini, TGBS telah diberi penghormatan dengan Anugerah Gangsa Change Management Impact Award and the Customer Centricity Impact, menandakan komitmen TNB terhadap kecemerlangan dalam pengurusan perubahan dan amalan mengutamakan pelanggan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din melahirkan rasa terima kasih di atas pengiktirafan tersebut dengan menyatakan, "Anugerah ini mengesahkan komitmen TNB yang tidak berbelah bahagi terhadap perkhidmatan melampaui kebiasaan, pengurusan perubahan dan mengutamakan pelanggan. Ini menandakan usaha kolektif dan dedikasi kakitangan TNB dalam mencapai kecemerlangan, menyokong visi kami untuk menjadi penyedia solusi tenaga mampu terkemuka di dalam negara dan antarabangsa, selaras dengan aspirasi Sifar Bersih 2050."

Baharin menekankan bagaimana anugerah ini mengukuhkan komitmen TNB terhadap pembangunan mampu dan agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Beliau melahirkan keyakinan bahawa pencapaian ini akan memberi inspirasi kepada TGBS untuk terus meningkatkan penawaran perkhidmatannya, memupuk perkongsian luaran dan kecekapan dalaman.

SSON Impact Awards adalah anugerah tahunan industri peringkat global yang memberi penghormatan dan meraikan SSO serta perkhidmatan perniagaan yang cemerlang inisiatifnya melebihi piawaian industri.

Pemenang dinilai oleh pengamal terkemuka yang terkenal dengan kepakaran merentasi pelbagai industri dan penyumbang utama serta ahli komuniti perkhidmatan perniagaan.

Antara penerima SSON Impact Awards Asia yang terkemuka tahun ini ialah Unilever, Vital GBS, Coca-Cola BBS, PepsiCo GBS, PT Pertamina Persero, Walmart China Investment Co dan Maersk Global SSC.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 24 Disember 2023, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



**Menerajui TNB Menuju Kecemerlangan:** Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din meraikan kejayaan TNB di Anugerah Impak SSON, mengesahkan komitmennya terhadap penyelesaian tenaga mampan dan perkhidmatan yang luar biasa.